

# Bekas KPN terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

BATU PAHAT 6 Okt. – Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi pada Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Ahad ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, penganugerahan itu bagi menghargai sumbangan besar Musa dalam aspek pemodenan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya berkaitan aplikasi teknologi terkini dalam sistem pengurusan dan operasi pihak keselamatan itu.

“Beliau memperkenalkan sistem C4I iaitu *command* (arahan), *coordination* (koordinasi), *computer* (komputer) dan *integration* (integrasi) yang banyak melancarkan operasi PDRM.

“Beliau juga mempergiatkan penggunaan teknologi canggih dalam menyelesaikan kes jenayah moden seperti penggunaan asid deoksiribonukleik (DNA), biomatriks dan alat pengesan pembohongan,” katanya di sini semalam.

Mohd. Noli berkata, dalam usaha mewujudkan bandar selamat, Musa turut memperkasa penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di tem-

pat strategik dan langkah itu banyak membantu polis menyelesaikan kes jenayah di bandar.

Turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah ialah bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Imran Idris.

Menurut Mohd. Noh, penganugerahan itu dibuat sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan UTHM atas sumbangan besar beliau dalam merangka dasar dan pelan pembangunan serta transformasi pendidikan teknikal khususnya politeknik di negara ini.

“Hasil usaha dan gagasan beliau, kini kolej komuniti dan politeknik di seluruh negara menjadi median sangat penting melahirkan tenaga mahir dan profesional dalam bidang teknikal,” katanya.

Mohd. Noh berkata, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan menyempurnakan sidang pertama majlis konvokesyen yang bermulai pukul 9 pagi itu.

“Majlis konvokesyen ini juga mencatatkan sejarah tersendiri apabila Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim akan dimasyhurkan



**MUSA HASSEN**

sebagai Pro-Canselor UTHM bagi berganding dengan Pro-Canselor se-dia ada, Tan Sri Ir. Shamsuddin Abdul Kadir,” katanya.

Seramai 1,640 graduan pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma bakal menerima sijil masing-masing pada majlis konvokesyen itu yang di-adakan mulai 10 hingga 12 Oktober ini.